

Syarat & Peraturan Peraduan	
Penganjur & Kelayakan	
1	PERADUAN TESCO SUPERMARKET SWEEP [“Peraduan”] dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] [“Penganjur”] dan dibuka kepada semua penduduk sah Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada of 08/12/2016 [setiap seorang dan secara kolektif “Peserta”]. Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan mengesahkan identiti Peserta.
2	Individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
[a]	Kakitangan Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik (dan suami/isteri mereka)]; dan/atau
[b]	Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitan masing-masing] dan ahli keluarga terdekat mereka [suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik (dan suami/isteri mereka)].
3.	Penganjur berhak untuk mengecualikan dan/atau membatalkan kelayakan Peserta yang tidak termasuk dalam kategori Peserta dan/atau yang melanggar Syarat dan Peraturan Peraduan.
Tempoh	
1	Peraduan akan diadakan dari 08/12/2016 hingga 01/02/2017 [“Tempoh Peraduan”]. Penganjur berhak secara mutlak untuk mengubah, menangguh, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.
Kriteria Kelayakan dan Penghantaran Penyertaan melalui Aplikasi WhatsApp	
1	Untuk menyertai Peraduan, Peserta mesti membeli mana-mana produk NESTLÉ yang turut serta bernilai sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lapan [RM38] KECUALI semua susu formula bayi NESTLÉ dan produk Dolce Gusto, dalam satu resit bercetak dari mana-mana gedung TESCO yang turut serta sepanjang Tempoh Peraduan. Satu resit bercetak TESCO yang asal mesti menunjukkan produk NESTLÉ turut serta yang dibeli, dengan jumlah pembelian, nama gedung, nombor resit dan tarikh pembelian dinyatakan dengan jelas pada resit bercetak [“BP”].
2	Semua penyertaan Peraduan mesti dikemukakan/dihantar melalui aplikasi WhatsApp dari mana-mana talian mudah alih tempatan yang berdaftar ke 016-7476813, iaitu talian telefon khas yang disediakan oleh Penganjur untuk menerima penyataan yang dihantar oleh Peserta.
3	Setiap penyertaan Peraduan mesti mengandungi kod penting – NESTLE, diikuti dengan [#], nombor resit TESCO (nombor 16 angka penuh yang ditunjukkan di bahagian bawah resit TESCO), diikuti dengan [#], nama penuh, diikuti dengan [#], nombor kad pengenalan diikuti dengan [#], jumlah pembelian produk NESTLÉ [“Butir-Butir Dikehendaki”]. Butir-Butir Dikehendaki mesti ditempati dalam satu [1] baris dan dikemukakan/dihantar melalui WhatsApp ke 016-7476813. Contoh WhatsApp: NESTLE#0504601817239603#LEE AH MOY#970101015202#RM41.20 Memandangkan 016-7476813 adalah talian khas yang disediakan oleh Penganjur, TIADA perakuan penerimaan akan dihantar oleh Penganjur berkaitan semua penyertaan yang dikemukakan/dihantar oleh Peserta kepada Penganjur melalui WhatsApp.
4	Setiap BP layak untuk satu [1] penyertaan WhatsApp sahaja. Peserta tidak dibenarkan mengemukakan/menghantar lebih daripada satu [1] penyertaan WhatsApp dengan BP yang sama kepada Penganjur. Penganjur berhak untuk membatalkan dan/atau menolak penyertaan WhatsApp dengan:
[a]	BP yang dikemukakan adalah salinan, tidak betul, tidak jelas, koyak atau rosak; dan/atau
[b]	Butir-Butir Dikehendaki tidak diberikan, tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak jelas dan/atau tidak tepat.
5	Setiap Peserta dikenal pasti dengan Butir-Butir Dikehendaki yang dikemukakan dalam penyertaan WhatsApp.
Hadiah & Proses Pemilihan Pemenang	
1	Sepanjang Tempoh Peraduan, Penganjur akan menawarkan lapan [8] Hadiah Utama dan sepuluh [10] Hadiah

	Sagu Hati.
2	Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri untuk setiap BP yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang berjaya [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri “1”.
3	Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan ialah <u>1889</u> , Penganjur akan mengira dan memilih peserta untuk memenangi hadiah berdasarkan cara berikut:
[a]	Pilih lapan [8] Pemenang Hadiah Utama: $1889 \div 8 = \underline{236.1}$ Oleh sebab pembahagian 1889 dengan 8 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 236.1 akan dibulatkan ke bawah kepada 236. Seramai 8 Peserta dengan Penyertaan Layak yang mendapat nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama: 236*, 472*, 708*, 944*, 1180, 1416, 1652, 1888. [*contoh pengiraan: <u>236</u> , $236+236=\underline{472}$, $472+236=\underline{708}$, $708+236=\underline{944}$]
[b]	Pilih sepuluh [10] Pemenang Hadiah Sagu Hati: $1889 \div 10 = \underline{188.9}$ Oleh sebab pembahagian 1889 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 188.9 akan dibulatkan ke bawah kepada 188. Seramai 10 Peserta dengan Penyertaan Layak yang mendapat nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Sagu Hati: 188*, 376*, 564*, 752*, 940, 1128, 1316, 1504, 1692, 1880. [*contoh pengiraan: <u>188</u> , $188+188=\underline{376}$, $376+188=\underline{564}$, $564+188=\underline{752}$].
4	Penganjur akan menghubungi semua Peserta terpilih melalui nombor hubungan/talian mudah alih yang digunakan untuk menghantar Penyertaan Layak kepada Penganjur. Setiap Peserta terpilih akan ditanya satu [1] soalan untuk dijawab. Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya Peserta terpilih tidak dapat dihubungi atas apa sebab sekalipun.
5	Peserta terpilih mesti menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk layak ke peringkat Peraduan yang berikutnya. Sekiranya Peserta terpilih gagal untuk menjawab soalan dengan betul dan/atau jelas, beliau akan disingkirkan oleh Penganjur. Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberi nombor bersiri seterusnya selepas Peserta yang disingkirkan akan menjadi Peserta terpilih berikutnya untuk memenangi hadiah.
6	Peserta yang berjaya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur [“Peserta Layak”] akan dibenarkan untuk mara ke peringkat Peraduan yang berikutnya untuk menyertai TESCO Supermarket Sweep Challenge [“Cabaran”]. Penganjur akan memaklumkan Peserta Layak selanjutnya mengenai tempat, tarikh dan masa Cabaran.
7	Penyertaan Peserta Layak dalam Cabaran adalah seterusnya tertakluk kepada set terma & syarat [“Peraturan Acara”] yang akan disampaikan dan diumumkan oleh Penganjur pada hari Cabaran kepada Peserta Layak.
8	Dengan syarat Peserta Layak mematuhi sepenuhnya Peraturan Acara yang ditetapkan oleh Penganjur semasa Cabaran, setiap Peserta Layak dalam kategori hadiah berkaitan layak untuk yang berikut:
[a]	Hadiah Utama: Setiap Peserta Layak akan “menyapu” barang runcit bernilai sehingga maksimum Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lapan Ratus dan Lapan Puluh Lapan [RM3,888] sahaja.
[b]	Hadiah Sagu Hati: Setiap Peserta Layak akan “menyapu” barang runcit bernilai sehingga maksimum Ringgit Malaysia Satu Ribu Lapan Ratus dan Lapan Puluh Lapan [RM1,888] sahaja.
9	Peserta Layak yang gagal dan/atau enggan mengambil bahagian dalam Cabaran atas apa sebab sekalipun akan disingkirkan secara automatik oleh Penganjur dan hadiah yang diperuntukkan bagi Peserta Layak akan dibatalkan oleh Penganjur.
10	Hak Peserta Layak untuk menyertai Cabaran tidak boleh dipindah milik sama sekali.
11	Semua Hadiah (barang runcit) yang berjaya “disapu” oleh Peserta Layak [“Pemenang”] mesti dituntut daripada Penganjur pada hari Cabaran diadakan. Semua Hadiah tidak dituntut akan dibatalkan oleh Penganjur.
12	Peserta hanya layak untuk menyertai satu [1] Cabaran sahaja sepanjang Tempoh Peraduan. Jika seseorang Peserta layak untuk menyertai dua [2] atau lebih Cabaran, maka Peserta hanya layak untuk menyertai Cabaran di mana hadiah yang diperuntukkan mempunyai nilai lebih tinggi. Peserta dengan Penyertaan Layak

	yang diberi nombor bersiri seterusnya selepas Peserta yang memenangi hadiah berulang akan menjadi Peserta terpilih berikutnya untuk menyertai Cabaran di mana hadiah yang diperuntukkan bernilai lebih rendah.
13	Penganjur berhak untuk meminta bukti BP untuk pengesahan. Peserta MESTI menyimpan BP asal yang dikemukakan dalam Penyertaan Layak untuk tujuan pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk menunjukkan BP apabila diminta oleh Penganjur akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah.

Liabiliti dan Tanggungjawab	
1	Semua Peserta Layak mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan di dalam ini termasuk terma dan syarat yang disertakan untuk menuntut hadiah/barangan runcit. Mana-mana hadiah/barangan runcit yang hilang dan/atau rosak atas apa sebab sekalipun tidak akan digantikan dan Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang dan semua liabiliti yang timbul dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan hadiah/barangan runcit yang hilang dan/atau rosak.
2	Senarai Pemenang akan diumumkan di laman web Penganjur [www.nestle.com.my].
3	Peserta Layak atau Pemenang, yang mana berkenaan, dan/atau waris mereka hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] kerana mengambil bahagian dalam Peraduan dan Cabaran; dan/atau penggunaan Hadiah/barangan runcit dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
4	Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan Cabaran adalah tanggungjawab Pemenang sepenuhnya.
5	Penganjur juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telefon, laman web, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, peranti, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet atau perkhidmatan telekomunikasi.

Hak Penganjur	
1	Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menyemak dan mengubah proses pemilihan Pemenang & Hadiah yang terkandung di dalam ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Keputusan pengadil adalah muktamad dan tiada surat-menyerat akan dilayan selepas itu.
2	Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan semua hadiah diberikan dalam ‘keadaan sedia ada’ dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barang lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.
3	Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta bersetuju dan memperakui bahawa semua hak milik intelektual padanya menjadi milik Penganjur dan setiap Peserta membenarkan Penganjur mengumpul, menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan mana-mana dan semua maklumat peribadi Peserta termasuk tanpa terhad kepada nama, gambar atau imej Peserta untuk tujuan Peraduan, termasuk aktiviti pengiklanan, publisiti, pemasaran dan promosi yang dijalankan dengan cara yang dianggap sesuai oleh Penganjur, dalam mana-mana media dan tanpa pampasan, pemberitahuan atau kebenaran tambahan, dan sebarang aktiviti sampingan lain yang berkaitan dengan Peraduan. Pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.
4	Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki membega proses penghantaran penyertaan Peraduan atau pengendalian Peraduan dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang dipercayai melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjelaskan Penebusan.
5	Penganjur berhak untuk meminda, menggantung atau membatalkan Peraduan sekiranya Penganjur tidak dapat mengendalikan Peraduan seperti yang dirancang termasuk tetapi tidak terhad kepada campur tangan tidak sah, penipuan, kegagalan teknikal atau sebarang sebab lain di luar kawalan Penganjur, walaupun dengan usaha terbaik Penganjur.

Notis Privasi	
1.	Dengan menyertai Peraduan, anda telah bersetuju Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 ("Kumpulan Nestlé Malaysia") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") untuk memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan bagi tujuan Peraduan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2.	Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, apa-apa promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
3.	Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
4.	Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
5.	Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Dasar Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy .
6.	Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy .
7.	Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Atau Borang Web : https://www.nestle.com.my/contactus . Atau Hubungi kami : 1-800-88-3433.
8.	Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Peraduan, dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
9.	Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Dasar Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy . Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Dasar Privasi kami dari semasa ke semasa.

Terma dan Syarat	
1	Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada borang Penyertaan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada barangang sebenar. Harga yang ditunjukkan adalah betul pada tarikh percetakan.
2	Syarat dan Peraturan Peraduan disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara mana-mana versi Syarat dan Peraturan Peraduan, versi Bahasa Inggeris yang dipaparkan di laman web Penganjur hendaklah diguna pakai.
3	Syarat dan Peraturan Peraduan dan kaedah penyertaan Peraduan boleh dipinda dari masa ke masa dan akan diguna pakai berbanding sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain bagi Peraduan. Peserta amat dinasihatkan supaya melayari laman web

	Penganjur dari masa ke masa untuk memastikan mereka menyedari sebarang perkembangan dan perubahan yang dibuat.
4	Dengan menyertai Peraduan dan Cabaran, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan, Peraturan Acara Cabaran serta keputusan Penganjur.